



KERJASAMA STRATEGIK AKEPT DAN UTMSPACE TINGKATKAN KEMAHIRAN KEPIMPINAN AKADEMIK BERASASKAN NILAI

Sumbangan : Prof. Madya. Sr Dr Sarajul Fikri Mohamed

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama UTMSPACE melalui Pusat Pembangunan Profesional, telah menganjurkan siri pertama bagi AKEPT Leadership Talk Series (ALTS) 2019 pada Khamis, 29 Ogos 2019. Ia telah berlangsung di Auditorium AKEPT, Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

ALTS 2019: Siri Pertama ini telah menjadi wadah kepada lebih 300 pentadbir akademik dan ahli akademik yang terdiri daripada Naib Canselor, Rektor, Dekan dan pemimpin akademik dari seluruh pusat pengajian tinggi negara, hadir untuk berdiskusi dan berkongsi pengalaman berkaitan Kepimpinan Berasaskan Nilai.

Ucapan program telah disampaikan oleh Profesor Dr. Mehmet Asutay, Pengarah, Durham Centre for Islamic Economics and Finance, Durham University yang berkongsi pengalaman tentang Kepimpinan Berasaskan Nilai dalam persekitaran dunia yang semakin mencabar dengan pelbagai isu politik, alam sekitar dan pembangunan ekonomi.

Manakala sesi 'In the Hot Seat' menampilkan Profesor Dr. Durrishah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTM, yang juga selaku moderator mengendalikan forum akademik membincangkan masa depan dan keperluan struktur akademik yang mampan di Malaysia dengan barisan panelis berpengalaman dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Program ini diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Dr Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia, dimana beliau telah menyampaikan ucapan yang merangkumi strategi KPM dalam memperkasakan kualiti pendidikan Malaysia dengan usaha kolaboratif dan inklusif dapat melonjakkan pendidikan tinggi di Malaysia di peringkat global.



SAMBUTAN AIDILFITRI MERIAH, SATUKAN MAHASISWA UTM KUALA LUMPUR

Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019 anjuran UTMSPACE dan UTM Holdings Sdn. Bhd. pada 3 Julai yang lalu, berjaya merapatkan hubungan silaturrahin dan perpaduan antara sesama mahasiswa UTM Kuala Lumpur.

Meskipun diadakan pada penghujung Syawal, kemeriahan majlis jelas ternyata dengan kehadiran sekitar 2500 mahasiswa termasuklah daripada UTM, MJIT, AHIBS dan Kolej SPACE.

Majlis dihadiri oleh Prof. Dr. Azlan Ab Rahman, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif serta barisan pengurusan tertinggi UTMSPACE yang berlangsung di Grand Banquet Hall, Residensi UTMKL.

Prof. Dr. Azlan Ab. Rahman dalam ucapannya berkata, majlis seumpama ini dapat mengeratkan hubungan persaudaraan sesama mahasiswa daripada pelbagai program di UTM Kuala Lumpur. Selain daripada itu ia merapatkan jurang jurang antara mahasiswa dan kakitangan universiti, khususnya kakitangan UTMSPACE. Menariknya, setiap unit dibawah pengurusan UTMSPACE telah membawa juadah masing - masing bagi meraikan hadirin yang hadir.

Majlis turut diceriakan dengan persembahan daripada kakitangan UTMSPACE dan mahasiswa. Mereka telah berpakaian sedondon pada hari tersebut yang ternyata ia menampilkan kesepakatan yang terjalin antara mereka.





LAWATAN DELEGASI UTMSPACE KE MACAU

Delegasi UTMSPACE telah berangkat ke Macau pada 3 sehingga 5 Mei yang lalu atas undangan daripada Rivermore Academy salah sebuah Pusat Pengurusan Program UTMSPACE. Delegasi telah diwakili oleh Pengarah Urusan UTMSPACE iaitu Prof. Dr. Azlan Ab Rahman dan Prof. Madya Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof, Pengarah Pendidikan Berterusan, UTMSPACE dan Dr. Low Hock Heng, Pengurus Besar, Pusat Program Eksekutif UTMSPACE.

Objektif lawatan ini adalah untuk mengadakan perbincangan tentang kerjasama dan francais Program Pendidikan Berterusan dan Program Eksekutif di Macau menerusi Pusat Pembangunan Profesional UTMSPACE. Selain daripada itu, para delegasi telah mempromosikan produk - produk UTMSPACE dibawah Program Pembangunan Profesional, Program Ukur Bahan, Program persijilan dan Program Diploma Profesional.

Para delegasi telah di bawa ke City University of Macau pada hari pertama program sesi lawatan ke institusi pengajian tinggi yang terkemuka di sana. Mereka juga berkesempatan untuk mengadakan perbincangan bersama dengan Pengarah Pendidikan Tinggi Macau, dan Timbalan Pengarah Jabatan Ekonomi serta Usahawan Macau.

Manakala pada hari kedua, delegasi telah mengadakan lawatan serta perbincangan ke Carlton College of Macau. Serta mereka telah melaksanakan audit dalaman bagi kolej tersebut. Penghujung sesi, para delegasi UTMSPACE telah membuat pembentangan hasil daripada pengauditan yang dilakukan. Dipenghujung sesi lawatan, para delegasi UTMSPACE telah menyaksikan majlis menandatangani persefahaman antara Rivermore Academy bersama dengan Carlton College of Macau.

Hasil daripada lawatan ini, seramai 3 orang pelajar dari Macau telah mendaftar ke program Diploma Profesional Pengurusan Perniagaan di bawah kendalian Rivermore Academy.



LAWATAN DELEGASI UTMSPACE KE CHINA

Pada 27 hingga 31 Mei 2019, satu delegasi dari UTMSPACE telah berlepas ke Chong Qing China atas undangan lawatan kerja daripada LTI Sdn Bhd dan Nanyang Education Ltd.

Antara objektif utama lawatan tersebut adalah untuk mengadakan perbincangan tentang kerjasama Program Pendidikan Berterusan dan Program Eksekutif di China menerusi Pusat Program Profesional UTMSPACE. Lawatan pemasaran dan pemeriksaan di pejabat perwakilan pemasaran serta perbincangan khusus tentang kemasukan pelajar dari China ke UTM.

Lawatan delegasi UTMSPACE telah diwakili oleh Profesor Dr. Azlan Abdul Rahman Timbalan Naib Canselor Pembangunan UTM merangkap Pengarah Eksekutif UTMSPACE, Prof. Madya Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof Pengarah Pendidikan Berterusan UTMSPACE, Prof. Madya Mazlan bin Mohamad Abdul Hamed, Timbalan Dekan, UTMSPACE dan Dr. Low Hock Heng Pengurus Besar, Pusat Program Eksekutif UTMSPACE.

Dalam lawatan tersebut, delegasi UTMSPACE turut berkesempatan mengadakan perbincangan dengan Governor Wilayah Hunan, Pengarah Pendidikan Wilayah Hunan dan Pengetua Sekolah Tinggi WenZheng yang memiliki pelajar seramai 3000 orang. Hasil daripada perbincangan tersebut, UTMSPACE telah mendapat sokongan daripada gabenor Wilayah Hunan, Sekolah Tinggi WenZheng telah bersetuju untuk mengadakan kelas khas, khusus kepada penyediaan dan persiapan bagi pelajar China untuk melanjutkan pengajian ke UTM.

Para delegasi juga turut mengadakan sesi lawatan muhibah ke Hunan University dan Changsha University of Science and Technology di bandar Changsha.



PENDAFTARAN PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM AMBILAN SEPTEMBER 2019



Pada 17 Ogos 2019, bertempat di N24 UTM, telah berlangsungnya sesi pendaftaran pelajar bagi Program Pengajian Sepenuh Masa UTMambilan September 2019. Profesor Dr. Azlan Bin Abdul Rahman, Pengarah Urusan UTMSPACE telah menyampaikan ucap ternaik kepada beliau pada hari tersebut. Sebanyak 25 program dalam pelbagai bidang sains, pengurusan dan kejuruteraan, telah ditawarkan pada umum bagi pengambilan kali ini. Seramai 680 orang pelajar baharu telah layak meneruskan pengajian di dalam bidang yang dipilih.

Selain kampus utama di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan pusat pembelajaran di Pulau Pinang dan Kuching, pusat pembelajaran di Kota Kinabalu, Kota Bharu, Miri, Kerteh dan Ipoh juga turut dibuka bagi memenuhi permintaan pelajar agar mudah untuk pelajar hadir ke kelas tanpa menghadirkan diri ke kampus utama.

Pendaftaran runcit selepas itu di Johor Bahru, Kuching, Pulau Pinang dan diakhiri di Kuala Lumpur turut diadakan untuk mereka yang tidak berkesempatan hadir pada hari pendaftaran utama.





UTMSPACE CERGAS



Buat julung kalinya UTMSPACE telah menganjurkan hari sukan untuk seluruh kakitangannya dan ia dinamakan UTMSPACE CERGAS. Acara yang berlangsung selama dua hari iaitu bermula dari 2 dan 3 haribulan Ogos telah mempertandingkan beberapa acara sukan termasuklah adalah acara badminton, boling, futsal, bola jaring, ping pong dan permainan sukaneka. Semua kakitangan UTMSPACE telah menyertai acara - acara yang dipertandingkan dan ia telah mencungkil beberapa bakat - bakat baharu dikalangan kakitangan untuk di ketengahkan.

Kemuncak bagi acara dua hari yang berlangsung disekitar UTM dan Johor Bahru telah diakhiri dengan Majlis Makan Malam. Pada malam itu, Profesor Dr. Azlan Bin Abdul Rahman, Pengerusi UTMSPACE telah berbesar hati menyampaikan medal kepada para pemenang dan rumah ungu telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi keseluruhan acara yang dipertandingkan.







UTMSPACE JB RAI LAWATAN SEKOLAH MENEGAH KEBANGSAAN LKTP FELDA ULU TEBRAU, ULU TIRAM JOHOR.

Pada 22 September 2019, UTMSPACE telah menerima lawatan daripada pelajar - pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan LKTP Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram Johor. Lawatan ini adalah bersempena dengan Program Lawatan Kerjaya "Mercu Impian" yang dianjurkan oleh sekolah tersebut dengan penyertaan seramai lima orang guru pengiring dan 80 orang pelajar - pelajar ke UTMSPACE.

Rombongan telah diketuai oleh Puan Mazlinah Binti Mohamad, Penolong Kanan Pentadbiran sekolah tersebut. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Profesor Dr. Azlan Bin Abdul Rahman, Pengarah Urusan UTMSPACE. Manakala Encik Rosnizam Bin Maarof, Pengurus Besar bagi Bahagian Pengambilan Pelajar UTMSPACE telah memberi penerangan secara terperinci tentang program - program yang ditawarkan oleh UTMSPACE.

Tujuan bagi program ini dijalankan adalah sebagai pendedahan awal kepada murid di tingkatan lima, berkaitan kursus pengajian yang ditawarkan oleh pihak universiti.





SEMINAR EKSKLUSIFKAN DIRIMU

Seminar Eksklusifkan Dirimu Bersama motivator terkenal, Y.Bhg. Prof. Adjung Dato' Dr. Fadzilah Kamsah telah diadakan di Hotel Hatten, Melaka pada 29 Ogos 2019. Seminar anjuran UTMSPACE buat kali ke-4 bersama Y.Bhg. Prof. Adjung Dato' Dr. Fadzilah Kamsah atau singkatannya SEMIX-D 2019 telah mendapat sambutan ramai dan menggalakkan dari pelbagai organisasi dan jabatan dari seluruh Malaysia.

Seramai 101 orang telah menghadiri seminar tersebut dan penyertaan dari kakitangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySIHAT) iaitu seramai 20 orang, merupakan penyertaan teramai bagi seminar sehari tersebut. Sepanjang seminar itu berlangsung, Y.Bhg. Prof. Adjung Dato' Dr. Fadzilah Kamsah telah berkongsi tips bersama peserta tentang bagaimana untuk menjadi pekerja cemerlang, terbaik dan eksklusif di tempat kerja sekaligus menjadi idaman para majikan dan membuatkan para kakitangan serta majikan gembira. Banyak teknik keterampilan dan pengenalan diri juga diselitkan di dalam seminar tersebut, membuatkan sepanjang sesi seminar begitu rancak dan bertenaga.

Penyampaian sijil kepada seluruh peserta telah disampaikan oleh Prof. Adjung Dato' Dr. Fadzilah Kamsah diiringi oleh Eksekutif Kanan PPP UTMSPACE, Puan Nurul Ain Ahmad Lutfi dipenghujung sesi seminar. Manakala pada paginya, penyerahan Kad Membership Lifelong Learning UTMSPACE telah disampaikan oleh Pengarah Pendidikan Berterusan UTMSPACE, Prof. Madya Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof kepada Puan Noormahman binti Hashim, wakil Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySIHAT).





UTMSPACE WATER COLOUR FUN RUN

Kemeriahan acara yang telah disertai lebih daripada 100 penyertaan termasuk kakitangan dan ahli keluarga UTMSPACE, telah berlangsung pada 6 September 2019 di perkarangan Bangunan T05, UTMSPACE UTM. Larian sejauh lima kilometer ini telah dikendalikan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan UTMSPACE (KESUKEB) Johor Bahru. Larian yang telah dimulakan tepat pada jam 7.30 pagi sehingga 11.00 pagi ini telah diakhiri dengan acara penyampaian hadiah bagi pemenang bagi kategori yang telah disediakan. Larian ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kecergasan terhadap kakitangan UTMSPACE, selain daripada aktiviti senamrobik yang dilaksanakan pada setiap bulan. Juga ia bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara sesama keluarga kakitangan UTMSPACE.







UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

PROGRAM DIPLOMA UTM

PENGAJIAN
SEPARUH MASA

PENGAMBILAN

NOVEMBER 2019

PROGRAM YANG DITAWARKAN

• Pusat Pembelajaran Kuala Lumpur •

Diploma Kejuruteraan Awam

Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)

Diploma Kejuruteraan Mekanikal

Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)

Diploma Pengurusan Teknologi

Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)

Diploma Pengurusan Harta Tanah

Diploma Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)

• Pusat Pembelajaran Johor Bahru •

Diploma Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)

**KERJ &
BELAJAR**

Tarikh Tutup Permohonan:

**31 OKTOBER 2019
(Khamis)**

Maklumat lanjut, sila hubungi:
UTMSPACE, Aras 4 & 5, Blok T05
Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor
Hotline: 07-531 8000 / 8001 Telegram : utmspaceofficial
Whatsapp: 019-777 6690 E-mel : enquiry@utmspace.edu.my



Mohon secara atas talian @ space.utm.my

Johor Bahru • Kuala Lumpur



MEMBENTUK MINDA
MEMBINA
KERJAYA

PERMOHONAN KEMASUKAN



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

**PENGAMBILAN
FEBRUARI 2020**

PROGRAM SARJANA MUDA

PENGAJIAN
SEPARUH MASA
UTM

PROGRAM YANG
DITAWARKAN

Datang & Daftar
**HARI PENDAFTARAN
TERBUKA**
(9.00 pg - 4.00 ptg)

- **14-15 DISEMBER 2019**
(Sabtu & Ahad)
UTMSpace Kuala Lumpur,
Residensi UTM Kuala Lumpur
- **20-21 DISEMBER 2019**
(Jumaat & Sabtu)
UTMSpace Johor Bahru,
Blok T05, UTM Johor Bahru

**KERJAJ &
KELAJAR**

Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	Kuala Lumpur, Kuala Terengganu
Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia)	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum)	Kuala Lumpur
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal	Johor Bahru, Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu
Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian dan Keselamatan Komputer)	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains Komputer (Perisian Grafik dan Multimedia)	Kuala Lumpur
Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi)	Johor Bahru, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)	Johor Bahru, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu
Sarjana Muda Perakaunan	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Psikologi Dengan Pembangunan Sumber Manusia	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains (Kimia Industri)	Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains (Matematik Industri)	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)	Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah)	Johor Bahru, Kuala Lumpur
Sarjana Muda Senibina Landskap	Kuala Lumpur
Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Elektrik Dan Elektronik)	Johor Bahru, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu
Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)	Kuala Lumpur
Sarjana Muda Kejuruteraan (Bio-Perubatan)	Kuala Lumpur

**Tarikh Tutup Permohonan:
31 DISEMBER 2019
(Selasa)**

Mohon secara atas talian @ space.utm.my

Maklumat lanjut, sila hubungi:
UTMSpace, Aras 4 & 5, Blok T05,
Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor
Hotline: 07-531 8000 / 8001 Telegram : spaceofficial
Whatsapp: 019-777 6690 E-mel : enquiry@space.utm.my



Johor Bahru • Kuala Lumpur • Kuching





UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)



BE PART OF **UTMSPACE**



UTMSPACE
ESTD 1992

UTMSPACE, Level 4 & 5, Block T05,
Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.
Hotline: +607 531 8000 (JB) +603 2772 2500 (KL)
Whatsapp: 019-777 6690
Telegram: utmspaceofficial
Email: enquiry@utmspace.edu.my

- Part-Time Programmes (Diploma & Degree)
- Full-Time Diploma Programmes
- Joint Programmes
- Executive Programmes
- UTM Professional Skills Certificate
- International Degree Programmes (UTM-IDP & JAPAN-IDP)
- UTM Foundation Programme
- International Programmes
- Professional Development Programmes
- Transnational Education
- English Programmes
- Bachelor of General Studies (Hons)
- Bachelor of Business Administration (International Business) (Hons)